

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: DSA EXHIBITION AND CONFERENCE
PUBLICATION: UTUSAN.COM.MY SECTION: BERITA - NASIONAL
DATE: THURSDAY, 21 APRIL 2016 PAGE NO.: 1 OF 1
CIRCULATION: ONLINE FREQUENCY: ONLINE
HEADLINE: DSA: INDUSTRI PERTAHANAN TIDAK TERJEJAS KETIDAKTENTUAN EKONOMI



Jumaat 22 April 2016 / 14 Rejab 1437

Mobile     

arkib berita

 Cari[Berita](#) [Video](#) [Rencana](#) [Hiburan](#) [Bisnes](#) [Pendidikan](#) [Sains & Teknologi](#) [Gaya Hidup](#) [Sukan](#) [Lain-lain](#)[TERKINI](#) [UTAMA](#) [NASIONAL](#) [POLITIK](#) [PARLIMEN](#) [WILAYAH](#) [LUAR NEGARA](#) [JENAYAH](#) [MAHKAMAH](#) [KOMUNITI](#) [NAHAS & BENCANA](#)

Utusan Online / Berita / Nasional

DSA: Industri pertahanan tidak terjejas ketidaktentuan ekonomi

21 April 2016 11:31 PM

[Share](#) [Tweet](#) [Google +](#)

KUALA LUMPUR 21 April - Dengan urus niaga bernilai RM2.9 bilion dimeterai dan 1,200 pempamer menyertai Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) Ke-15, industri keselamatan dan pertahanan terbukti tidak terjejas dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

"Secara jujur saya katakan bahawa DSA kali ini mendapat penyertaan terbaik dalam keadaan ekonomi global yang begitu mencabar," kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein ketika merasmikan penutupan DSA 2016 itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Malah, Menteri Negara bagi Perolehan Pertahanan United Kingdom Philip Dunne juga percaya Malaysia akan mendapat manfaat daripada industri yang semakin berkembang itu.

Beliau berkata Malaysia akan berpeluang mewujudkan lebih banyak pekerjaan berimpak tinggi apabila kontraktor utama Britain menawarkan produk bertaraf global, manakala perniagaan pula berkembang dengan pesat.

"Hasil daripada kekuatan sistem pendidikannya, sekolah dan universiti Malaysia cukup berkemampuan untuk melahirkan siswazah yang dapat melaksanakan kerja berimpak tinggi pada masa akan datang," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

- BERNAMA